

Pusat, negeri urus dana RM150j

UM 1 OCT 2001

Oleh
MOHD. HANAFI AWANG

MERSING 30 Sept. — Kementerian Sumber Manusia akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi menguruskan dana sebanyak RM150 juta untuk melatih pekerja yang diberhentikan seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abd. Latiff Ahmad berkata, dana tersebut diperuntukkan bagi melatih pekerja-pekerja dari pelbagai sektor di seluruh negara.

Katanya, tumpuan akan diberikan kepada negeri-negeri yang menghadapi masalah pemberhentian pekerja yang agak serius.

keseluruhan pekerja yang diberhentikan di negara ini.

“Kita berharap pekerja-pekerja yang diberhentikan supaya berhubung segera dengan Pejabat Buruh dan Jabatan Tenaga Rakyat yang berdekatan bagi mendapatkan data-data mereka,” katanya kepada *Utusan* pada majlis sambutan Hari Keluarga Hospital Mersing, di sini hari ini.

Dalam hubungan ini, katanya, pekerja yang diberhentikan tidak perlu bersedih atau bimbang tetapi mengambil sikap terbuka untuk berubah daripada pekerjaan asal kepada sesuatu pekerjaan biarpun dalam bidang yang baru.

Dr. Abdul Latiff berkata, satu sistem pendaftaran

juga perlu diwujudkan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad bagi memudahkan mereka yang diberhentikan dan ingin mendapatkan latihan membuat urusan.

Beliau menambah, sesudah mendaftar mereka yang terpilih untuk mengikuti latihan ini akan dihantar untuk dilatih di pusat-pusat latihan yang akan ditentukan oleh kementerian.

“Bila dilatih dengan kemahiran baru mereka akan lebih mudah untuk mendapatkan pekerjaan baru yang mana kementerian akan membantu mendapatkan pekerjaan melalui Jabatan Tenaga Rakyat,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap golongan terabit merebut peluang yang disediakan oleh kerajaan.